

24 AUG 2003

Brunei-Berlepas (Bergambar)

SULTAN HASSANAL BOLKIAH BERLEPAS PULANG

PETALING JAYA, 24 Ogos (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkih, yang menamatkan lawatan kerja selama empat hari ke Malaysia hari ini, berlepas pulang ke negaranya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pesuruhajaya Tinggi Malaysia ke Brunei Tan Sri Jamil Johari turut berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini untuk mengucapkan selamat jalan kepada baginda dan rombongannya.

Pesawat peribadi yang membawa Sultan Hassanal Bolkih dan 11 pegawai kanan yang diketuai Setiausaha Tetap Brunei, Pehin Datuk Yahya Mudim Bakar, berlepas dari lapangan terbang itu kira-kira pukul 5 petang.

Sepanjang lawatannya ke negara ini, Sultan Hassanal Bolkih mengadakan pertemuan empat mata sempena mesyuarat rundingan tahunan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara isu yang dibincangkan ialah mengenai isu daratan dan maritim.

Baginda dan anggota delegasi turut berangkat ke majlis makan malam di Istana Negera yang diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Perangkaan terbaru Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menunjukkan dagangan dua hala Malaysia-Brunei bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berjumlah RM484.8 juta.

Daripada jumlah itu, nilai eksport Malaysia ke negara itu mencecah RM479.1 juta manakala nilai import pula berjumlah RM5.7 juta.

Tahun lepas, nilai dagangan antara kedua-dua negara berjumlah RM992.2 juta.

-- BERNAMA

SSA SSA AZH